



E-invois rancakkan pendigitalan ekonomi negara

Oleh Rohaniza Idris - Mac 28, 2023 @ 2:30pm
roha@bh.com.my



E-invois yang diperkenalkan Lembaga Hasil Dalam Negeri (LHDN) memudahkan penyimpanan rekod, bantu merancakkan pendigitalan ekonomi negara.

KUALA LUMPUR: E-invois yang diperkenalkan Lembaga Hasil Dalam Negeri (LHDN) tahun depan dijangka merancakkan lagi pendigitalan ekonomi negara.

Presiden Persatuan Ekonomi Pengguna dan Keluarga (MACFEA), Prof Dr Ahmad Hariza Hashim, berkata e-invois menjadikan sistem percukaian lebih sistematik, yang memudahkan pembayar cukai menyimpan dokumen seperti resit pembelian.

"Langkah ini lebih selamat serta mudah dijejaki. Saya melihat kaedah ini juga lebih lestari dan telus untuk pengguna dan peniaga.

"Ia membantu mempercepat lagi dan memudahkan proses pendigitalan ekonomi yang sedang pesat berkembang sekarang ini," katanya kepada BH.

Beliau mengulas inisiatif baharu dikenali sebagai e-invois yang dilaksanakan LHDN bagi memudahkan pembayar cukai menyimpan dan mengawasi rekod kewangan masing-masing.

Semalam, Ketua Pegawai Eksekutif LHDN, Datuk Dr Mohd Nizom Sairi, berkata e-invois akan membantu simpanan rekod kewangan pembayar cukai, yang dijangka dapat dilaksanakan sepenuhnya mulai awal tahun depan.

Ahmad Hariza berkata, pelaksanaan e-invois juga akan meningkatkan kutipan hasil LHDN, terutama dalam kalangan peniaga, yang boleh digunakan untuk pembangunan kemudahan rakyat.

Sementara itu, Pensyarah Kanan Jabatan Pemasaran Universiti Utara Malaysia (UUM), Dr Normalisa Mohd Isa, berkata, e-invois membantu pembayar cukai menyimpan data dengan lebih efisien, efektif dan selamat iaitu dapat mengelakkan dokumen daripada rosak atau hilang.

"Pengenalan e-invois ini dapat mengurangkan tekanan kepada pembayar cukai. Ini kerana setiap bukti ketika ini perlu dihantar kepada LHDN sama ada melalui pos atau terus ke kaunter LHDN. Penghantaran melalui e-mel tidak diterima," katanya.

Normalisa, yang juga Exco MACFEA berkata, pembayar cukai tidak perlu lagi mencetak atau menyimpan resit dalam bentuk fizikal.

"Semua bukti transaksi akan disimpan secara elektronik dan dapat diakses dengan mudah, cekap dan selamat," katanya.